

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [ PARIT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) berapa jumlah belia yang telah diserap masuk bekerja secara tetap setelah tamat menjalani Program Perantisan Di Bawah Penjanakerjaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ; dan
- (b) adakah inisiatif program penjana kerjaya ini dapat membantu mengurangkan jumlah pengangguran di Malaysia

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sehingga 8 Oktober 2021 Program Perantisan PenjanaKerjaya di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah berjaya menempatkan seramai 33,017 orang belia. Walau bagaimanapun bilangan belia yang diserap bekerja secara tetap setelah tamat menjalani Program Perantisan ini masih belum dimuktamadkan. PERKESO akan mengemukakan maklumat tersebut setelah pengumpulan data daripada agensi-agensi yang berkaitan selesai.

Bagi menjawab soalan kedua, Inisiatif Program PenjanaKerjaya ternyata membantu golongan sasaran di mana ianya meningkatkan penawaran peluang pekerjaan daripada majikan kepada pencari kerja. Selain itu, pencari kerja yang mendapat pekerjaan melalui inisiatif ini juga boleh menjalani latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka di dalam pekerjaan baharu mereka.

Secara keseluruhannya, bagi tempoh Jun 2020 sehingga 8 Oktober 2021, program PenjanaKerjaya telah membantu seramai 316,521 orang pencari kerja.